

## KEPENTINGAN LAGU-LAGU RAKYAT DALAM PENDIDIKAN PRASEKOLAH

Nurul Jannah Kamaruddin\*

*Universiti Selangor, Bestari Jaya, 45600 Kuala Selangor, Selangor, Malaysia  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia*

*\*Corresponding email: jannahdin@unisel.edu.my*

**Published:** 11 November 2024

**To cite this article (APA):** Kamaruddin, N. J. (2024). Kepentingan Lagu-Lagu Rakyat dalam Pendidikan Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17, 157–165. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp2.16.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp2.16.2024>

### ABSTRAK

Lagu-lagu rakyat adalah lagu-lagu yang berasal dari masyarakat setempat dan biasanya diwariskan secara turun-temurun. Lagu-lagu rakyat merupakan satu daripada genre sastera Melayu yang digolongkan ke dalam kategori sastera Melayu klasik. Lagu berasaskan muzik rakyat/tradisional banyak berdasarkan tema persekitaran. Muzik rakyat/tradisional dapat membantu perkembangan keseluruhan kanak-kanak kerana kanak-kanak gemarkan irama. Muzik rakyat/tradisional juga membolehkan kanak-kanak melahirkan perasaan dan idea mengenai diri dan persekitaran mereka. Kepentingan muzik dan nyanyian dilihat mampu mempertingkatkan pelbagai aspek perkembangan dan kemahiran kanak-kanak. Melalui muzik dan nyanyian juga, tingkahlaku yang positif di kalangan kanak-kanak dapat dipupuk. Bukan sahaja pendekatan ini sesuai digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, muzik dan nyanyian juga boleh digunapakai dalam pelbagai aspek pengurusan kelas prasekolah. Kertas konsep ini membincangkan kepentingan lagu-lagu rakyat dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) prasekolah. Kajian terhadap lagu-lagu rakyat ini diharap mampu membuka mata beberapa pihak tentang kesedaran memelihara lagu-lagu rakyat ini daripada pupus. Hal ini disebabkan lagu rakyat makin lama makin di tinggalkan.

**Kata kunci:** Muzik, lagu, rakyat, pengajaran dan pembelajaran (P&P), prasekolah

### PENGENALAN

Amalan pengajaran kreatif pada abad ke-21 kini sering dikaitkan dengan kebolehan guru merancang pengajaran serta kreatif melaksanakan proses PdPc dalam bilik darjah Chuah Siew Mei & Al Amin Mydin, 2022. Sebagai individu yang memikul tanggungjawab sebagai ejen perubahan, guru tidak perlu terikat dengan suatu cara sahaja dalam menjalankan PdPc, sebaliknya guru mesti berfikir di luar kotak untuk mencari pendekatan yang baharu dan lebih berkesan. KPM memfokuskan kepada peningkatan pengajaran kreatif dalam PdPc dan menjangkakan pendekatan ini akan dibudayakan di seluruh negara. Oleh itu, kemahiran ini perlu diterapkan oleh guru dengan mengintegrasikan kaedah pengajaran yang merangkumi pembelajaran koperatif, bilik darjah demokratik dan teknik motivasi yang bersesuaian.

Pendidikan prasekolah merupakan pengalaman awal yang penting dalam dunia pendidikan. Pengalaman persekolahan dan pembelajaran yang berkesan, bermakna dan menyeronokkan dapat membekalkan kanak-kanak dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap yang positif untuk pembelajaran yang seterusnya. Muzik merupakan salah satu aktiviti pengajaran berteraskan kreativiti dan estetika dan telah disarankan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2017).

Berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK 2017), aktiviti pembelajaran yang berteraskan kreativiti dan estetika ini membolehkan kanak-kanak menghayati pelbagai jenis muzik, melakukan gerakan mengikut muzik yang didengar, dan melakukan pelbagai watak

berdasarkan cerita dan melalui aktiviti. Selain itu, kreativiti dan estetika dapat mengaplikasi pengetahuan dalam menghasilkan karya seni secara kreatif dengan menggunakan pelbagai teknik dan bahan. Kanak-kanak diberikan peluang untuk menunjukkan bakat dan minat dalam meneroka melalui dunia muzik pada tahap perkembangan masing-masing.

Muzik dan nyanyian begitu sinonim terutamanya pada peringkat kanak-kanak. Secara semulajadi, kanak-kanak menyukai bunyi dan muzik dan membuatkan mereka lebih terhibur. Oleh yang demikian, muzik dan nyanyian dapat dilihat memberi kesan positif serta menarik perhatian kanak-kanak di dalam bilik darjah Samsudin, Mohamad & Bakar, Kamariah (2018). Ia bukan sahaja menarik perhatian kanak-kanak malah merupakan satu rangsangan yang memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan minda kanak-kanak terutamanya dalam bilik darjah. Selain daripada itu, kanak-kanak memberikan perhatian, memahami rentak, irama dan sebutan melalui muzik yang dimainkan. Oleh itu, muzik dapat digunakan secara kreatif dan efektif oleh guru ketika proses pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Pengajaran kreatif merupakan amalan pengajaran berunsurkan penerapan nilai kreativiti yang sesuai dengan perubahan pendidikan abad ke-21 yang meletakkan kreativiti sebagai salah satu elemen penting dalam pengajaran dan pemudahcaraan Shuhaila Ab. Jawas & Hafizhah Zulkifli, 2022. Justeru, apabila guru diberikan tanggungjawab untuk mengajar sesuatu mata pelajaran, tanggungjawab tersebut bukanlah sekadar mengajar semata-mata kerana guru juga perlu merancang pengajarannya dengan teliti agar pada akhir pengajaran, kanak-kanak dapat serta mampu menguasai kemahiran yang diajar.

### **Lagu-lagu Rakyat**

Lagu-lagu rakyat adalah jenis lagu tradisional yang berasal dari budaya dan warisan sesebuah masyarakat. Lagu-lagu ini biasanya disampaikan secara lisan dari satu generasi ke generasi berikutnya dan sering menggambarkan kehidupan seharian, kepercayaan, adat resam, serta cerita-cerita rakyat yang mencerminkan identiti dan sejarah komuniti tersebut.

Ciri-ciri utama lagu-lagu rakyat adalah berkaitan dengan lirik yang Sederhana. Lirik lagu-lagu rakyat biasanya mudah difahami dan diingati, menggunakan bahasa tempatan atau dialek yang biasa digunakan dalam kalangan masyarakat tersebut. Melodi yang mudah, lagu-lagu rakyat cenderung mudah dan sederhana, memudahkan orang ramai untuk menyanyi bersama-sama, tanpa memerlukan latihan vokal yang kompleks.

Seterusnya lagu-lagu rakyat berfungsi sosial dan budaya dimana lagu-lagu rakyat dimainkan dalam pelbagai acara seperti perayaan, upacara adat, majlis keluarga, dan sebagainya. Ia juga digunakan sebagai alat untuk mendidik generasi muda tentang nilai-nilai moral dan budaya. Dan lagu-lagu rakyat ini juga mempunyai ciri berkisarkan cerita dan nilai moral yang mengandungi cerita atau mesej moral bertujuan untuk memberikan pengajaran atau nasihat kepada pendengar. Lagu-lagu rakyat juga merupakan warisan lisan, biasanya dipelajari dan disebarikan secara lisan, tanpa dokumentasi bertulis yang formal, menjadikannya sebahagian penting dari tradisi lisan.

Antara lagu-lagu rakyat masyarakat Melayu yang popular sehingga kini adalah:

1. Ala Canggung	20. Ketipong Payung
2. Ambil Madu Lebah	21. Kurik Kundi
3. Anak Ayam (lagu rakyat)	22. Sopan Satun Anak Melayu @ Lemak manis (lagu rakyat)
4. Anak Itik Tok Wi	23. Lenggang Kangkung

*bersambung*

5. Anak Ondeng (a.k.a Lagu Lembu Patah Tanduk)	25. Londeh Mak Londeh
6. Ayam den lapeh	26. Menghilir di Sungai Pahang
7. Bapaku Pulang dari Kota	27. Pak Ketipak Ketipung (joget 106)
8. Burung Kakak Tua (lagu rakyat)	28. Pak Pung Pak Mustafe
9. Can Mali Can	29. Puteri Santubong
10. Dadong	30. Rasa Sayang
11. Geylang Si Paku Geylang	31. Tepuk amai amai
12. Hello Hello (lagu rakyat)	32. Trek Tek Tek
13. Hijau (lagu rakyat)	33. Tualang Tiga
14. Inang rodan	34. Ulek mayang
15. Ikan Kekek (lagu rakyat)	35. Enjit-enjit Semut
16. Jambatan Tamparuli	36. Bangau Oh Bangau
17. Joget Tari Lenggang (a.k.a Joget Pahang)	37. Wau Bulan
18. Jong Jong Inai	38. Tambak Johor
19. Kenek Kenek Odeng	39. Lagu Tiga Kupang

### **Kepentingan Lagu-Lagu Rakyat**

Dalam konteks pendidikan prasekolah, muzik dan nyanyian dilihat sebagai pembelajaran yang dapat meningkatkan motor halus kanak-kanak (Schlaug et al., 2005). Motor halus kanak-kanak meningkat melalui latihan instrumen (yang merupakan pengalaman motor kanak-kanak yang kebiasaannya bermula pada peringkat awal). Apabila kanak-kanak bermain dengan alat muzik, ianya memerlukan pelbagai kemahiran termasuklah pengetahuan membaca simbol kompleks alat muzik (intonasi muzik) dan menterjemahkannya ke dalam aktiviti motor yang lain. Selain itu, kemahiran motor halus juga bergantung kepada tindak balas multisensori. Oleh itu, pendidikan dan pendedahan muzik dengan mendengar atau menghasilkan muzik menjadikan kanak-kanak lebih pintar dan mempunyai pengaruh yang positif melalui perkembangan motor halus kanak-kanak. Latihan bermain alat muzik juga dititikberatkan khususnya sewaktu kanak-kanak menyanyi agar perkembangan motor halus kanak-kanak dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Muzik dan nyanyian begitu sinonim terutamanya pada peringkat kanak-kanak. Secara semulajadi, kanak-kanak menyukai bunyi dan muzik dan membuatkan mereka lebih terhibur. Oleh yang demikian, muzik dan nyanyian dapat dilihat memberi kesan positif serta menarik perhatian kanak-kanak di dalam bilik darjah (Harriet et al, 2014). Ia bukan sahaja menarik perhatian kanak-kanak malah merupakan satu rangsangan yang memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan minda kanak-kanak terutamanya dalam bilik darjah. Selain daripada itu, kanak-kanak memberikan perhatian, memahami rentak, irama dan sebutan melalui muzik yang dimainkan. Oleh itu, muzik dapat digunakan secara kreatif dan efektif oleh guru ketika proses pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Muzik juga dilihat sering menggabungkan elemen kinestetik, pendengaran dan visual (Marsh dan Young, 2016). Lestari, (2012) menjelaskan bahawa nyanyian mempunyai objektif yang tertentu dan perlu dilakukan dengan gaya bahasa yang sederhana, lirik yang pendek dan bersesuaian dengan

perkembangan bahasa kanak-kanak. Muzik dan nyanyian juga melibatkan perkembangan bahasa yang dapat merangsang minda kanak-kanak dalam proses pembelajaran. Selain itu, muzik juga dapat membantu kanak-kanak menambah perbendaharaan kata melalui lirik yang mempunyai perkataan-perkataan yang baru. Ditambah lagi dengan aspek pic, tempo, corak irama, dan melodi, kanak-kanak lebih mudah mempelajari dan mengingati perkataan-perkataan yang baharu.

Muzik juga boleh mempengaruhi emosi dan perasaan (Koelsch, 2014; Zatorre & Salimpoor, 2013). Kajian Broh (2002) menunjukkan bahawa kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam aktiviti muzik lebih banyak berkomunikasi dengan ibu bapa dan guru justeru ibu bapa mereka lebih cenderung berkomunikasi dengan ibu bapa kanak-kanak lain. Muzik juga dapat mencetus daya kreativiti kanak-kanak melalui lagu. Sebagai contoh, kanak-kanak terdorong untuk melakukan pelbagai pergerakan kreatif apabila muzik dimainkan. Perkembangan sosioemosi juga boleh dipupuk semasa guru mengajar aktiviti nyanyian, serta muzik dan gerakan. Sebagai contoh, kanak-kanak berasa teruja apabila guru memainkan lagu Didi & Friends semasa di dalam bilik darjah.

Antara komponen didik hibur dan belajar sambil bermain adalah seperti nyanyian, bercerita, main peranan dan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM). Kesemua komponen ini dapat digunakan oleh guru untuk pelajar prasekolah. Komponen-komponen ini amat bersesuaian dengan tahap umur kanak-kanak. Hal ini selari dengan dapatan kajian Mahzan Arshad (2012) di mana penggunaan teknik ini membantu guru untuk menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran (P&P). Kertas ini juga lebih memfokuskan pengajaran dan pembelajaran (P&P) menggunakan komponen ini yang jelas menyenaraikan pelbagai manfaat dan dilihat sebagai satu pendekatan yang sesuai digunakan dalam pendidikan prasekolah.

Melalui aktiviti nyanyian dijalankan, guru dapat menggalakkan kanak-kanak melahirkan perasaan seperti bercerita, berimajinasi dan menyanyi sambil bermain. Oleh itu, secara tidak langsung perbendaharaan kata kanak-kanak akan bertambah. Melalui nyanyian ini juga kanak-kanak akan ekspresi perasaan mereka samada suka, gembira, sedih dan sebagainya. Sewaktu menyanyi, kanak-kanak dapat meniru perwatakan orang-orang di sekeliling mereka seperti keluarga, doctor, anggota polis, guru, peniaga, binatang atau haiwan sebagainya seperti yang terkandung di dalam lirik lagu tersebut. Aktiviti yang baik ini perlu dipupuk tetapi perlu ada kawalan dan Batasan daripada guru. Melalui aktiviti ini aspek perkembangan bahasa kanak-kanak dapat dipertingkatkan.

Lagu-lagu rakyat merupakan warisan budaya yang kaya dengan nilai-nilai tradisi, moral, dan sejarah sesebuah masyarakat. Di prasekolah, penggunaan lagu-lagu rakyat dalam pengajaran memainkan peranan yang sangat penting dalam perkembangan kanak-kanak. Berikut adalah beberapa kepentingan lagu-lagu rakyat dalam pendidikan prasekolah:

- i. Pengukuhan Identiti Budaya  
Lagu-lagu rakyat sering kali mencerminkan budaya, sejarah, dan nilai-nilai masyarakat. Apabila kanak-kanak diperkenalkan kepada lagu-lagu ini, mereka belajar mengenai asal usul dan tradisi budaya mereka sendiri. Ini membantu mereka mengukuhkan identiti budaya serta memberi rasa bangga terhadap warisan nenek moyang mereka.
- ii. Perkembangan Bahasa dan Komunikasi  
Lagu-lagu rakyat sering menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh kanak-kanak. Lirik yang berulang-ulang dan melodi yang mudah diingati membantu kanak-kanak memperkaya kosa kata, memperbaiki sebutan, dan meningkatkan kemahiran berkomunikasi. Aktiviti nyanyian juga memberi peluang kepada kanak-kanak untuk berinteraksi dengan rakan sebaya, yang memperkukuhkan lagi kemahiran sosial dan komunikasi mereka.
- iii. Merangsang Kreativiti dan Imajinasi  
Lagu-lagu rakyat sering kali mengandungi cerita-cerita yang menarik dan fantasi yang merangsang imajinasi kanak-kanak. Melalui nyanyian, kanak-kanak dapat membayangkan situasi, watak-watak, dan peristiwa yang digambarkan dalam lirik. Ini dapat meningkatkan

daya kreativiti mereka serta memberi inspirasi kepada mereka untuk menghasilkan cerita atau lakonan mereka sendiri berdasarkan lagu-lagu yang dipelajari.

iv. Pembentukan Nilai Moral

Lagu-lagu rakyat sering mengandungi pengajaran moral yang penting, seperti nilai-nilai murni, persahabatan, hormat-menghormati, dan kerjasama. Melalui lirik-lirik ini, kanak-kanak diajar tentang konsep baik dan buruk, serta didorong untuk mengamalkan nilai-nilai positif dalam kehidupan harian mereka.

v. Meningkatkan Kemahiran Motor Kasar dan Halus

Nyanyian lagu-lagu rakyat sering kali disertai dengan pergerakan tangan, kaki, atau seluruh badan. Ini membantu dalam perkembangan kemahiran motor kasar dan halus kanak-kanak. Aktiviti seperti bertepuk tangan, melompat, dan menari mengikut rentak lagu meningkatkan koordinasi fizikal dan membina kekuatan otot kanak-kanak.

vi. Membina Rasa Kebersamaan dan Kerjasama

Nyanyian lagu-lagu rakyat dalam kumpulan memupuk semangat kebersamaan dan kerjasama antara kanak-kanak. Mereka belajar untuk bekerja sebagai satu pasukan, mengikuti arahan, dan menghormati giliran orang lain. Aktiviti berkumpulan ini juga memberi peluang kepada kanak-kanak untuk merasai pengalaman sosial yang positif, yang penting untuk perkembangan emosi mereka.

### **Teori-Teori Berkaitan**

Teori Behaviourisme merupakan teori yang diperkenalkan oleh Ivan Pavlov, B.F. Skinner dan juga Edward L Thorndike. Secara umumnya teori ini merupakan teori pembelajaran yang melihat kepada tingkah laku yang ditunjukkan dan dapat diukur dengan nyata. Teori ini dikaitkan dengan perkembangan bahasa kerana teori ini menyatakan bahawa kanak-kanak belajar melalui peniruan. Menurut Desmita (2009), teori pembelajaran behaviouris ini merupakan teori belajar memahami tingkah laku manusia yang menggunakan pendekatan objektif, mekanistik dan materialistik sehingga perubahan tingkah laku pada diri seseorang dapat dilakukan melalui upaya pengkondisian.

Skinner (1997) telah memperkenalkan kaedah pengajaran terancang dalam kerangka rangsangan-tindakan atau stimulus-response. Menurut beliau, setiap rangsangan (R) yang diberi ke atas seseorang akan menyebabkan orang tersebut akan menghasilkan tindak balas (T) ke atas rangsangan yang diberi. Beliau berpendapat pembelajaran sebenar boleh berlaku dalam kerangka R-T. Oleh itu, guru perlu berikan lebih banyak rangsangan kepada murid-murid, agar mereka memberikan tindak balas ke atas rangsangan yang diberikan.

Secara umumnya, teori ini memperlihatkan tingkah laku kanak-kanak yang akan meniru apa yang dilihat dan didengar di persekitarannya. Berkait dengan perkembangan bahasa, kanak-kanak akan mendengar lagu yang dipasang oleh guru di dalam kelas dan meniru nyanyian yang didengar. Peranan persekitaran kanak-kanak memainkan peranan yang penting dalam pemerolehan bahasa mereka. Melalui teori ini, kaedah peniruan yang dilakukan oleh kanak-kanak adalah berdasarkan lagu kanak-kanak yang didengari sama ada di rumah atau di sekolah. Namun, fokus kajian ini adalah untuk guru di tadika. Rangsangan daripada guru yang diterima oleh kanak-kanak akan membangkitkan semangat mereka untuk melakukan peniruan tersebut. Contohnya, kanak-kanak melihat guru menyanyikan lagu Didi and Friend. Guru bersemangat menyanyikan lagu dan meminta kanak-kanak untuk menyanyi bersama-sama. Rangsangan yang diterima akan memberikan tindak balas kepada kanak-kanak. Mereka akan menyanyi bersama dengan guru.

Teori Kecerdasan Pelbagai Teori Howard Gardner mengenai kecerdasan pelbagai menyentuh tentang potensi-potensi kanak-kanak yang tiada hadnya (Hirsh, 2004). Gardner (1993) pada mulanya mengutarakan tujuh kecerdasan, iaitu kecerdasan muzikal, ruang-spatial, logikmatematik, intrapersonal, interpersonal, kinestetik-badan dan linguistik. Pada tahun 1999, beliau mengupas satu

lagi kecerdasan, iaitu kecerdasan yang naturalistik yang mencadangkan rasa kewujudan, Ketuhanan (spiritual) dan kecerdasan moral (Gardner, 1999). Kelapan-lapan kecerdasan ini saling berkait antara satu sama lain. Apakah yang akan terjadi kepada dunia jika tiada muzik, tarian, perasaan empati, pengiraan, bahasa, institusi atau geometri? Ciri-ciri kemanusiaan adalah keperluan dalam kehidupan (Hirsh, 2004). Kecerdasan pelbagai tidak boleh diketepikan dan tidak boleh terpisah kepada beberapa kemahiran sahaja.

Menurut Nor Hashimah dan Yahya (2003:73) kecerdasan pelbagai boleh dijelaskan lagi seperti berikut:

- i) Kecerdasan Linguistik Kecerdasan Linguistik ialah kebolehan menggunakan perkataan secara lisan atau dalam pertuturan. Kanak-kanak yang boleh menguasai kecerdasan ini boleh memanipulasikan struktur atau pertuturan bahasa, fonetik dan makna bahasa. Penggunaan bahasa adalah untuk mengingat maklumat, memberi penjelasan dan bercakap berkenaan diri sendiri. Apabila mengaplikasikan di dalam lagu-lagu rakyat, perkembangan dan penguasaan bahasa kanak-kanak akan menjadi lebih baik secara semulajadi.
- ii) Kecerdasan Logikal Matematik Kecerdasan ini melibatkan pemikiran ataupun pertimbangan induktif menggunakan nombor dengan berkesan dan menyelesaikan masalah secara saintifik. Kanak-kanak yang menguasai kecerdasan ini ialah seorang berkebolehan untuk mengenalpasti dan menghubungkan corak-corak, bentuk-bentuk, geometri dan boleh memproses maklumat, mentafsir sebab dengan akibat secara kompleks. Kanak-kanak yang mengamalkan penggunaan nyanyian lagu-lagu rakyat dalam perkembangan mereka dapat memproses maklumat serta menguasai pemikiran ataupun pertimbangan induktif menggunakan nombor dalam membuat pergerakan semasa menyanyi, mengira tempo dan irama.
- iii) Kecerdasan ruang-spatial Kecerdasan ruang-spatial melibatkan kebolehan seseorang menggambarkan atau membayangkan objek secara gambaran mental yang menyeluruh. Melalui nyanyian lagu-lagu rakyat, kanak-kanak dapat berimajinasi dengan baik apabila menyanyikan lagu-lagu rakyat ini. Seperti contoh nenek-nenek si bongkok tiga, kanak-kanak akan berimajinasi menjadi nenek serta menyanyi dan bermain bersama rakan-rakan.
- iv) Kecerdasan Kinestetik-badan Kecerdasan ini berkait rapat dengan pergerakan fizikal dan tubuh badan serta fungsi-fungsinya. Kebolehan seseorang untuk melahirkan perasaan dan idea melalui pergerakan tubuh badan adalah seperti penari, pelakon, pelukis, pengukir, mekanik dan pakar bedah adalah contoh orang perseorangan yang menguasai kecerdasan ini. Kanak-kanak yang menyanyikan lagu-lagu rakyat juga dengan mudah dapat menguasai kecerdasan ini kerana mereka yang dapat menggunakan kordinasi motor kasar dan motor halus dengan baik, boleh mengimbangi badan dan bersifat sensitif pada sentuhan semasa beraksi menyanyikan lagu-lagu rakyat.
- v) Kecerdasan Interpersonal Kanak-kanak yang mempunyai kecerdasan ini sensitif kepada air muka, gerak isyarat dan kualiti suara seseorang. Kanak-kanak ini boleh menginterpretasi perasaan di sebalik tanda-tanda ini. Dia juga mahir bertindak balas dengan berkesan kepada tanda-tanda tersebut untuk meredakan emosi negatif atau memberi inspirasi untuk bertindak secara positif. Bersesuaianlah dengan penguasaan lagu-lagu rakyat, dimana kanak-kanak sentiasa peka terhadap penguasaan bait-bait kata dalam lirik lagu.
- vi) Kecerdasan Intrapersonal Kecerdasan ini melibatkan kebolehan mengenal dan memahami diri sendiri dan kemudiannya bertindak mengikut kesesuaian. Kecerdasan ini melibatkan metakognisi, iaitu berfikir, bertindak balas emosi, refleksi dan mempunyai kesedaran berkenaan dengan konsep-konsep metafizikal. Kanak-kanak yang mempunyai kecerdasan ini adalah jujur, tepat dan mengenali dirinya sendiri. Motivasi dalaman adalah tinggi di kalangan kanak-kanak seumpama ini.
- vii) Kecerdasan naturals Kecerdasan naturalis melibatkan kebolehan memerhati, memahami, mempunyai empati dalam persekitaran semulajadi Mengakui kewujudan kuasa yang lebih

tinggi juga merupakan elemen dalam kecerdasan ini. Kanak-kanak yang mempunyai kecerdasan ini mahir memilih dan mengasingkan dan juga boleh mengelas dan menciri.

- viii) Kecerdasan Muzikal Kecerdasan muzikal atau irama merujuk kepada kebolehan menghargai ataupun menikmati pelbagai bentuk muzik selain daripada menggunakan muzik sebagai alat bagi melahirkan perasaan. Kanak-kanak yang mempunyai kecerdasan ini sensitif kepada nada, irama dan rentak, bunyi-bunyian persekitaran, suara manusia dan alat-alat muzikal. Selain dari itu, individu yang mempunyai kecerdasan muzikal berkebolehan membentuk muzik untuk menanggapi, membeza dan menilai, mengubah dan melahirkan muzik (Nor Hashimah dan Yahya, 2003:74). Dengan kecerdasan muzikal ini kanak-kanak akan merasa seronok apabila menyanyikan lagi-lagu rakyat.

## KAJIAN LITERATUR

Menurut Aziz, N. A., & Masnan, A. H. (2022), di dalam kajiannya yang bertajuk Penggunaan lagu kanak-kanak dalam proses perkembangan kemahiran Bahasa Melayu di Tadika Swasta: muzik dan nyanyian adalah sesuatu yang dekat dengan kanak-kanak kerana melalui muzik, mereka mendapat hiburan dan perkara itu sangat menarik bagi mereka. Gabungan muzik yang membawa gaya bahasa yang sederhana itu secara tidak langsung dapat merangsang perkembangan kanak-kanak. Lirik lagu yang dinyanyikan oleh kanak-kanak sedikit sebanyak dapat menambah perbendaharaan kata dan perkataan baru untuk kanak-kanak.

Dalam kajian Hanifah Sabin, Vincent Pang dan Muhammad Idris Bullare@Bahari (2019), yang bertajuk Modul Membaca Awal Prasekolah Menggunakan Nyanyian Berasaskan Teori Psikolinguistik Kognitif dan Aplikasi Kaedah Belajar Melalui Bermain yang menyatakan bahawa pelaksanaan kaedah mengajar yang menyeronokkan adalah dengan menggunakan kaedah nyanyian dan penggunaan lagu. Pengkaji menekankan aspek keseronokan yang dialami oleh kanak-kanak semasa di sekolah untuk belajar. Jadi, melalui penggunaan lagu, kanak-kanak dapat mempercepatkan usia mereka membaca kerana struktur lagu yang berulang-ulang dan kanak-kanak akan mudah untuk mengingat.

Indra Yeni, Irdhan Epria Dharma Putra, Vivi Anggraini dan Rudi Nofindra (2020) yang melakukan kajian mengenai rangsangan kanak-kanak untuk perkembangan bahasa ibunda dengan menggunakan lagu yang dilakukan di Padang, Indonesia. Beliau berpendapat bahawa matlamat Pendidikan Awal Kanak-Kanak adalah untuk merangsang perkembangan kanak-kanak secara holistik. Oleh itu, mereka inginkan kanak-kanak di negara mereka menguasai bahasa ibunda terlebih dahulu seperti yang tertakluk di dalam Akta Republik Indonesia. Oleh itu, mereka menggunakan media animasi seperti lagu Minangkabau untuk membantu kanak-kanak memperoleh kemahiran bahasa.

Kajian terkini oleh Morvafcik dan Nolte (2018) berpendapat bahawa latar belakang berasaskan muzik menjadikan pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang baik dan bermakna. Pengajaran dan pembelajaran yang baik dan bermakna dapat dilihat daripada pengalaman kanak-kanak semasa di dalam bilik darjah seperti melakukan aktiviti berkumpulan, muzik bebas dan menyanyi. Pengalaman kanak-kanak ini bukan sahaja sebagai satu gambaran justeru manfaat dan kepentingan kepada pencapaian akademik dan perkembangan kognitif kanak-kanak. Oleh itu, muzik sesuai digunakan dalam penerokaan dalam pengajaran dan pembelajaran oleh kanak-kanak agar pembelajaran menjadi lebih bermakna dan bermanfaat.

Penggunaan muzik kanak-kanak juga membantu dalam penguasaan kosa kata kanak-kanak. Hal ini dibuktikan daripada dapatan kajian Muhd Amirul (2014) di mana lagu digunakan untuk kanak-kanak dalam membantu penguasaan kosa kata Bahasa Inggeris di taska seawal tiga tahun. Selain itu, kanak-kanak dapat memproses, menghasilkan dan menghayati kepelbagaian kosa kata Bahasa Inggeris. Kepelbagaian kosa kata Bahasa Inggeris ini dapat dilihat melalui perbendaharaan kata yang digunakan melalui muzik dan nyanyian di dalam bilik darjah. Minat kanak-kanak dalam menguasai kosa kata

Bahasa Inggeris ini dapat dipupuk dengan adanya muzik yang membantu mereka melalui pemahaman, sebutan dan perbendaharaan kata.

Melalui nyanyian juga, kanak-kanak mampu untuk mengingat sesuatu dengan lebih cepat berbanding mereka hanya membaca. Kanak-kanak sememangnya mempunyai daya ingatan yang kuat. Oleh itu, latihan perlu dilakukan secara konsisten untuk membantu mereka dalam belajar bahasa. Nyanyian merupakan salah satu cara yang terbaik dalam meningkatkan minat kanak-kanak untuk belajar. Menurut Aziz, N. A., & Masnan, A. H. (2022), “Kajian terbaru membuktikan bahawa muzik boleh memantapkan perkembangan bahasa, hubungan bunyi perkataan, keupayaan matematik kanak-kanak dan sesetengahnya meningkatkan keupayaan intelektual kanak-kanak”.

Menurut Safiek Mokhlis (2019) melaporkan bahawa guru yang kreatif dapat menstrukturkan pengalaman pembelajaran kanak-kanak ke arah menyumbang kepada perkembangan kreativiti mereka. Pandangan kajian ini selari dengan pandangan Rosmah dan Mariani (2014) yang menyatakan bahawa guru selaku pelaksana boleh menyesuaikan kandungan kurikulum dengan keadaan dan situasi semasa. Guru juga perlu berpengetahuan tentang psikologi kanak-kanak, prihatin kepada perbezaan kanak-kanak daripada segi keupayaan minat dan latar belakang, serta peka terhadap perubahan dan perkembangan pendidikan terkini. Justeru, guru yang kreatif dapat melaksanakan PdP berdasarkan amalan yang bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak.

Rinkevich (2011) menyatakan bahawa kepentingan pengajaran kreatif harus dipertingkatkan untuk memanfaatkan dan menggalakkan pembelajaran KBAT murid. Untuk melaksanakan pengajaran kreatif, guru perlu memiliki pengetahuan pedagogi kandungan dan mahir dalam melaksanakan pengajaran. Guru perlu mengaplikasikan kaedah pengajaran yang sesuai dan fleksibel bagi menjadikan PdPc menarik dan menyeronokkan mengikut kreativiti masing-masing. Pengajaran yang memupuk kreativiti merupakan pendekatan pengajaran yang penting selari dengan aspirasi negara yang ingin melahirkan generasi kreatif dan inovatif.

## **RUMUSAN**

Lagu-lagu rakyat memainkan peranan yang penting dalam pendidikan prasekolah dengan memberikan sumbangan besar kepada perkembangan holistik kanak-kanak. Lagu-lagu ini membantu mengukuhkan identiti budaya dan memberi rasa bangga terhadap warisan tradisional. Melalui lirik yang mudah dan melodi yang menarik, lagu-lagu rakyat memperkaya kemahiran bahasa, merangsang kreativiti, dan menyampaikan nilai-nilai moral yang penting.

Di samping itu, aktiviti berkumpulan yang melibatkan nyanyian lagu-lagu rakyat menggalakkan interaksi sosial, kerjasama, dan perkembangan kemahiran motor kasar serta motor halus kanak-kanak. Dalam suasana yang menyeronokkan dan penuh makna, lagu-lagu rakyat bukan sahaja menyediakan hiburan, tetapi juga merupakan alat pendidikan yang berkesan untuk membentuk generasi muda yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, sosial, dan intelektual. Secara keseluruhan, integrasi lagu-lagu rakyat dalam prasekolah adalah penting untuk membantu kanak-kanak membina asas yang kukuh dalam pembelajaran dan perkembangan peribadi mereka.



## RUJUKAN

- Ab. Jawas, S., & Zulkifli, H. (2022). Amalan pengajaran kreatif guru Pendidikan Islam bagi murid berkeperluan khas masalah pembelajaran [Creative teaching practices by Islamic Education teachers for students with learning disabilities]. *International Journal of Islamic and Humanities Research*, 2(1), 1–9. Retrieved from <https://nunjournal.com/index.php/qalam/article/view/50/49>
- Aziz, N. A., & Masnan, A. H. (2022). The Use of Children's Song in the Process of Developing Malay Language Skills in Private Kindergartens. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 11(1), 91-107. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.1.9.2022>
- Broh, B. A. (2002). Linking extracurricular programming to academic achievement: Who benefits and why? *Sociology of Education*, 75, 69–95.
- Chuah, Siew Mei and Al Amin, Mydin (2022) Pengaruh amalan penyeliaan terhadap pengajaran kreatif guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. pp. 30-40. ISSN E-ISSN: 2289-9669
- Gardner, H. (1993). *Frames of Mind*. New York: Basic Books.
- Gardner, H. (1999). *The disciplined Mind*. New York: Simon and Schuster.
- Hirsh, Rae Ann. (2004). *Early Childhood Curriculum; Incorporating Multiple Intelligences, Developmentally Appropriate Practice, and Play*. United States: Pearson Education, Incorporated.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Koelsch, S. (2014). Brain correlates of music-evoked emotions. *Nature Reviews Neuroscience*, 15(3), 170– 180.
- Mahzan Arshad. (2012). *Pendidikan literasi awal kanak-kanak. Teori dan amali*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Marsh, K., & Young, S. (2016). Musical play. In G. McPherson (Ed.), *The child as musician: A handbook of musical development* (2nd ed., pp. 462–484). Oxford, UK: Oxford University Press.
- Muhd Amirull Deraman. (2014). Penggunaan lagu kanak-kanak dalam membantu penguasaan kosa kata bahasa Inggeris kanak-kanak berusia tiga tahun di Taska NCDRC. Seminar Pendidikan dan Pengajaran dan Pembelajaran, UKM
- Mokhlis, S. (2019). Pemupukan Kreativiti Kanak-Kanak: Kajian Kes Amalan Pengajaran Kreativiti di Sebuah Tadika Islam: Nurturing Creativity in Young Children: A Case Study of the Practice of Teaching for Creativity in an Islamic Kindergarten. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 3(1), 34–48. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v3i1>.
- Moravcik, E., & Nolte, S. (2018). *Meaningful curriculum for young children* (2nd ed.). New York, NY: Pearson Education. 790
- Nick Perham & Harriet Currie. (2014) Does listening to preferred music improve reading comprehension performance. *Applied Cognitive Psychology*, Applied Cognitive. Psychology. 28: 279-284
- Nor Hashimah Hashim dan Yahya Che Lah (2003). *Panduan Pendidikan Prasekolah*. Pahang Darul Makmur: PTS Publications and Distributor.
- Rini Lestari. (2012). Nyanyian Sebagai Metode Pendidikan Karakter Pada Anak. *Prosiding Seminar Nasional Psikologi Islami*. Surakarta. 131-136.
- Rinkevich, J. L. (2011). Creative teaching: Why it matters and where to begin. *The Clearing House: A Journal of Educational Strategies, Issues and Ideas*, 84(5), 219–223. <https://doi.org/10.1080/00098655.2011.575416>
- Rosmah Abd. Ghani, & Mariani Md Nor. (2014). Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan oleh Guru Prasekolah. *Jurnal Peradaban*, 7(1), 40–68.
- Sabin, H., Pang, V., & Bullare@Bahari, I. (2019). Modul Membaca Awal Prasekolah Menggunakan Nyanyian Berasaskan Teori Psikolinguistik Kognitif dan Aplikasi Kaedah Belajar Melalui Bermain. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 45-58.
- Samsudin, Mohamad & Bakar, Kamariah. (2018). Kepentingan Muzik dan Nyanyian dalam Pendidikan Prasekolah.
- Schlaug, G., Norton, A., Overy, K., & Winner, E. (2005). Effects of music training on the child's brain and cognitive development. *Annals of the New York Academy of Science*, 1060, 219–230.
- Skinner, B. F (1968). *The technology of teaching*. New York: Appleton-Century-Teachers College Press
- Yeni, I., Dharma Putra, I. E., Anggraini, V., & Nofindra, R. (2020). Stimulating Children's Mother Tongue Development Through Animated Children Song [Master's thesis]. [http://repository.unp.ac.id/29088/1/INDRA\\_YENI\\_STIMULATING\\_CHILDRENS\\_MOTHER\\_2020.pdf](http://repository.unp.ac.id/29088/1/INDRA_YENI_STIMULATING_CHILDRENS_MOTHER_2020.pdf) York: Holt, Rinehart & Winston.
- Zatorre, R. J., & Salimpoor, V. N. (2013). From perception to pleasure: Music and its neural substrates. *Proceedings of the National Academy of Sciences*, 110(Suppl. 2), 10430–10437.